

02/03/1999

Negara Islam patut bawa balik pakar

Kamal Ahmad in Dhaka

DHAKA, Isnin - Malaysia hari ini menyarankan supaya negara Islam membawa balik pakar dan cerdik pandai mereka untuk membantu membina semula negara masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu sidang kemuncak kedua Kumpulan Lapan Negara Islam Membangun (D8) di sini hari ini, kumpulan itu adalah aset serta kekuatan negara Islam dalam menghadapi ancaman teknologi dan idea baru negara maju.

Menurut Perdana Menteri, dunia Islam mempunyai kemahiran dan cerdik pandai yang mencukupi tetapi kelebihan itu digunakan di tempat lain kerana negara Islam tidak menyediakan kemudahan yang mereka kehendaki.

"Kita perlu membawa mereka balik. Kita kena wujudkan suasana yang boleh menarik minat dan sesuai dengan kerja mereka. Mereka boleh membantu membina semula negara kita, setanding negara lain di dunia.

"Insya-Allah, dengan bantuan mereka dan dedikasi terhadap kemuliaan umat Islam, kita akan berjaya," katanya berucap pada sidang itu.

Kumpulan D8, yang dibentuk pada Jun 1997, dianggotai Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Malaysia, Nigeria, Pakistan dan Turki, bertujuan meningkatkan kerjasama ekonomi.

Selain Dr Mahathir, D8 dihadiri Perdana Menteri Bangladesh, Sheikh Hasina Wajed selaku tuan rumah; Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif; serta Timbalan Presiden Pertama Iran, Dr Hassan Habibi. Indonesia diwakili Menteri Kebajikan Masyarakat dan Pembasmian Kemiskinan, Haryono Suyono, manakala Mesir oleh Menteri Luar, Amre M Moussa.

Dr Mahathir berkata, dunia Islam juga mempunyai pelbagai sumber asli yang selama ini diguna untuk memperkayakan orang lain.

Menurutnya, kegagalan dunia Islam memanfaatkan sumber asli untuk memperkayakan diri sendiri menjadi punca kemiskinan dan kelemahan.

"Apa yang perlu kita lakukan ialah menyelaraskan bekalan. Namun, ini juga kita tidak mampu lakukan," katanya sambil menambah, negara Islam mempunyai banyak kemewahan dan potensi tetapi tidak menyumbang kepada kebaikan atau kemajuan masing-masing.

Beliau berkata, tidak ada negara Islam yang boleh mendakwa mempunyai kuasa dan pengaruh dalam arena antarabangsa sekarang. Sebaliknya, kebanyakan negara Islam tidak stabil dan gagal memacu kemajuan agar setaraf dengan negara maju.

"Ketika kita berada pada abad ke-15, orang lain berada di abad ke-20. Mereka sedang menuju abad ke-21 dan alaf ketiga. Dalam banyak perkara negara mereka mendahului kita. Mereka kini memperkenalkan pelbagai idea dan teknologi yang mana kita tidak bersedia dan nampaknya tidak upaya mengendalikannya.

"Antara yang diperkenalkan ialah konsep baru mengenai kerajaan dan hubungan antarabangsa. Negara Islam bagaimanapun tidak berupaya menolak atau menawarkan pilihan dan akhirnya konsep itu tidak mampu dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Dr Mahathir turut mengingatkan hadirin mengenai konsep globalisasi yang memecah halangan untuk mempertahankan negara, budaya dan agama. Akibat terdedah kepada serangan itu, negara Islam tidak mampu bersaing atau mengambil kesempatan daripada cara dan idea baru.

"Satu daripada manifestasi globalisasi ialah aliran modal secara bebas yang melampaui sempadan. Kemewahan yang ada pada kebanyakan kita dan dicampur dengan sumber asli, tidak dilaburkan dalam negara sendiri.

"Sebaliknya kita mengambil kesempatan daripada aliran modal bebas untuk melabur di negara maju. Kita sudah memperkayakan mereka dengan berkesan. Tetapi kita tidak tahu bagaimana untuk menggunakan pelaburan itu dalam usaha mempengaruhi mereka.

"Mereka sebaliknya menggunakan wang kita untuk melabur semula dalam negara kita dan tiba-tiba menarik balik pelaburan untuk menjejaskan kestabilan dan memiskinkan kita. Kemudian mereka mengambil kesempatan daripada kemiskinan kita untuk menguasai kita.

"Jelaslah, kita tidak pandai menggunakan kemewahan kita dan aliran modal secara bebas itu. Banyak wang kita kini berada dalam kawalan mereka di luar dan sebenarnya digunakan untuk menentang kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia turut mempunyai pengalaman daripada kesan globalisasi iaitu serangan terhadap ringgit dan pasaran saham.

"Mempelajari pengalaman itu sesungguhnya terpaksa membayar harga yang tinggi," katanya sambil menegaskan, konsep globalisasi sepatutnya membolehkan yang miskin berkongsi kemewahan dan teknologi dengan yang kaya.

(END)